

26/01/1999

Anwar kemuka saman malu RM100j

KUALA LUMPUR, Isnin - Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini mengemukakan saman malu menuntut ganti rugi RM100 juta daripada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang didakwa memfitnahnya berhubung salah laku seksual.

Saman itu difailkan menerusi Tetuan Karpal Singh and Company di pejabat Pendaftar Mahkamah Tinggi Sivil, Wisma Denmark di sini, pada jam 2.29 petang.

Isteri Anwar, Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail dan keluarganya tidak hadir ketika saman itu difailkan oleh Karpal dan dua anaknya, Jagdeep Singh Deo dan Gobind Singh Deo.

Selain menuntut ganti rugi berkenaan, Anwar juga memohon perintah menghalang Dr Mahathir atau wakilnya daripada terus mengeluarkan kenyataan atau membuat ulasan mengenai beliau.

Dalam saman itu, Anwar mendakwa Dr Mahathir mengeluarkan kenyataan yang memfitnahnya di depan wartawan tempatan dan asing di Jabatan Perdana Menteri (JPM) pada 22 September tahun lalu.

Menurutnya, Dr Mahathir mengetahui kenyataan itu akan disiarkan oleh media tempatan dan luar negara.

Sehubungan itu, katanya, wartawan majalah Newsweek Dorinda Elliot menulis artikel bertajuk; 'HERE'S MUD IN YOUR FACE - Accusations of sexual misconduct and corruption in an Asian smear war that rivals even Washington's' berdasarkan kepada kenyataan Dr Mahathir itu.

Anwar mendakwa, artikel itu disiarkan pada halaman 24 majalah Newsweek keluaran 5 Oktober 1998 dan diedarkan secara meluas di Malaysia dan seluruh dunia.

Selain menyaman Dr Mahathir, Anwar juga akan mengemukakan saman yang sama ke atas akhbar bahasa Inggeris, The Sun; majalah Newsweek dan Cable News Network (CNN).

Jagdeep memberitahu pemberita, saman ke atas pihak terbabit akan difailkan tidak lama lagi.

Menurutnya, pernyataan tuntutan saman itu hanya akan difailkan selepas semua saman malu terhadap The Sun; Newsweek dan CNN dikemukakan kepada mahkamah.

Sementara itu, Karpal berkata, Anwar mempunyai hak mengemukakan saman malu itu bagi membersihkan namanya berikutan keputusan Mahkamah Tinggi dua minggu lalu memadamkan semua keterangan berhubung dakwaan salah laku seksualnya.

Karpal berkata, pendakwa sepatutnya tidak mengemukakan keterangan seumpama dalam perbicaraan empat tuduhan rasuah terhadap Anwar.

"Keputusan mahkamah itu menyebabkan Anwar tidak mempunyai pilihan lain dan terpaksa mengemukakan saman malu itu kerana beliau telah dimalukan serta diaibkan di mata dunia," katanya.

(END)